

**Parlimen: Siasatan SPR Dapati Propaganda 40,000 Bangladesh Undi PRU13 Adalah Pembohongan - Shahidan Bernama
30 July, 2013**

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Siasatan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mendapati propaganda 40,000 rakyat Bangladesh mengundi pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) lepas, merupakan pembohongan oleh beberapa kumpulan berkepentingan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata dakwaan sesetengah pihak menerusi media sosial bahawa rakyat Bangladesh telah datang ke Malaysia dalam tempoh seminggu untuk mengundi dalam PRU13, adalah tidak masuk akal.

"SPR akan meneliti setiap dakwaan dan melakukan penyiasatan bertujuan membaiki kekurangan yang berlaku semasa PRU13. Pihak yang tidak berpuas hati perlu mengemukakan petisyen.

"Tanpa maklumat terperinci dan kukuh, dakwaan dibuat adalah tujuan politik semata-mata," katanya ketika menjawab soalan Senator Datuk Dr Mashitah Ibrahim pada persidangan Dewan Negara di sini Selasa.

Mashitah ingin tahu sama ada SPR bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap parti politik atau individu yang membuat tuduhan palsu dan fitnah ke atas badan itu, sebelum dan selepas PRU13.

Justeru, Shahidan berpendapat bahawa ia terpulang kepada SPR untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana parti politik atau individu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=967037>